

Penglibatan IPT sebar mesej keselamatan jalan raya penting

OLEH JOHN TAMBANAN
johntambanan@yahoo.com

KOTA KINABALU: Penglibatan institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta dalam menyebarkan mesej keselamatan jalan raya melalui pelaksanaan program keselamatan jalan raya mampu membantu kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melibatkan golongan belia.

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Sabah, Herdianshah Abdul Karim, berkata keprihatinan tinggi telah ditunjukkan pengurusan atasan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengenai kepentingan amalan budaya keselamatan di kalangan pelajar UMS melalui sokongan penuh ke atas program keselamatan jalan raya yang dilaksana secara bersama oleh jabatan dengan agensi kerajaan lain serta sektor korporat.

"Kita bukan sahaja mahukan UMS menjadi pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan tersohor di negara ini malah pada masa sama kita juga ingin menjadikan UMS sebagai universiti yang mencatat jumlah kemalangan jalan raya melibatkan kakitangan dan pelajarnya yang paling rendah melalui pelaksanaan visi sifar kemalangan di universiti berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyertai kunjungan Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur merangkap Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Pang Nyuk Ming terhadap Naib Canselor UMS, Brig-Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon di UMS baru-baru ini.

Sehubungan itu, kata Herdianshah, JKJR akan meningkatkan kerjasama dengan UMS dalam mempromosikan visi ini melalui pelaksanaan program

"Kita bukan sahaja mahukan UMS menjadi pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan tersohor di negara ini malah pada masa sama kita juga ingin menjadikan UMS sebagai universiti yang mencatat jumlah kemalangan jalan raya melibatkan kakitangan dan pelajarnya yang paling rendah melalui pelaksanaan visi sifar kemalangan di universiti berkenaan."

HERDIANSHAH ABDUL KARIM

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Sabah



TAHNIAH... Dr. Kamaruzaman (kiri) menerima kad keahlian 'Rakan Keselamatan Jalan Raya' (Rakan KJR) daripada Pang Yuk Ming (tengah) sambil diperhatikan Herdianshah (kanan) dalam kunjungan itu.

keselamatan jalan raya secara holistik dan bersepadu dengan agensi kerajaan lain seperti Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan sektor korporat.

"Kitayakindenganpendekatankhidmat

nasihat melalui pelaksanaan program berkenaan selain penguatkuasaan secara dalaman oleh UMS sendiri, sikap dan minda positif di kalangan mahasiswa dan mahasiswi kita mengenai budaya keselamatan jalan raya dapat dipertingkatkan," katanya.